

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Undang-undang perkahwinan bagi orang-orang Islam telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Singapura untuk disahkan. Undang-undang ini adalah ditujukan sebagai satu ikhtiar yang dituntut supaya hal-ehwal perkahwinan di antara orang-orang Islam mestilah diselenggarakan oleh satu mahkamah supaya ketiadaan puas hati atas hukuman kadi dapat diperkasa semula. Cita-cita ini mulanya terbit setelah kegelisahan berlaku ke atas banyaknya perceraian-perceraian yang terjadi di dalam lingkungan orang-orang Islam.

Bahasa yang dipakai dalam mahkamah itu, kerana ia berhubung dengan orang-orang Melayu, ialah bahasa Melayu – dan tulisannya ialah huruf Jawi atau Rumi.

* * *

Terbit daripada rancangan undang-undang yang tersebut di atas maka kerana ada keluasan bagi peguam-peguam boleh mengambil bahagian bagi satu-satu pihak maka peguam-peguam di Singapura berasa tidak senang dan menuntut perubahan di dalam bahasa itu kerana kalau tidak, kata mereka, terpaksa mereka belajar bahasa Melayu! Wah Bung! Peguam-peguam itu, di dalam tiap-tiap perkara tentunya dapat wang bayaran – di dalam perbicaraan “mahkamah syariah” itu kalau ia jadi peguam salah seorang daripada anak-anak guamnya tentulah ada disediakan pula jurubahasa – apa yang dipayahkan? Adakah peguam-peguam itu berfikir di dalam perkara yang khas mengenai orang-orang Islam dan yang amnya berbahasa Melayu itu mesti pula, kerana maslahat mereka, menggunakan bahasa Inggeris. “Terlalu” – kata sebahagian orang Islam. Kalau mahu bukan lebih banyak belajar bahasa Melayu?

Ada pula kononnya seorang peguam yang berkata langkah-langkah ini menghambat jalan cita-cita menggunakan segala bahasa – kerana hanya mengutamakan bahasa Melayu! Yang dibicarakan umumnya orang-orang Melayu – apakah adil kalau pula kelak digunakan bahasa Cina? Terlalu!

* * *

Untuk keselamatan mahkamah ini maka diadakan pula lembaga *appeal* yang terdiri daripada 3 orang daripada tujuh orang yang dilantik oleh gabenor – dan semuanya keputusan mahkamah itu disemak semula oleh gabenor yang tentunya setelah menerima nasihat daripada orang-orang yang dilantiknya. Oleh yang demikian tatkala melantik orang-orang yang bakal menjadi “penasihat” itu janganlah orang-orang buta kayu dalam perkara agama seperti sesetengah orang yang menjadi ahli Majlis Penasihat Kerajaan Singapura – lagaknya banyak tetapi buta kayu dalam perkara agama.

* * *

Perkara ucapan Sultan Johor di majlis “Jubli Intan Berliannya” yang telah reda dan siap timbul semula apabila A. Muhammad Yassin bin Datuk Abdul Rahman membawa Satu *motion* di Majlis Mesyuarat Negeri Johor supaya Sultan apabila hendak member ucapan di majlis-majlis yang mengenai siasah hendaklah lebih dahulu meminta persetujuan menteri besarnya.

Langkah pihak Perikatan membawa *motion* ini, yang telah disetujui dengan suara yang terbanyak di majlis itu, dipandang oleh sebahagian pihak bukan masanya terutamanya dalam masa Perikatan hendak menghantarkan suatu rombongan

ke London untuk menentukan tarikh dan cara kemerdekaan bagi Malaya.

Tengku sendiri menyatakan bahawa pemergiannya nanti adalah membawa perpaduan di antara rakyat dengan raja – dan sekarang terang sudah bahawa perpecahan itu dibuat oleh orang-orang Perikatan sendiri di Johor – yang menjadikan sebab pula Sultan Johor, dengan sifatnya sebagai sultan yang dipandang berdaulat dan membuat *treaty* dengan kerajaan Inggeris, sekarang nampaknya berasa kesal masuk bersatu ke dalam *Federation* kerana Johor, menurut pandangan baginda, bukannya semakin maju tetapi semakin mundur dan menjadi pula tempat atau sarang pengganas yang seganas-ganasnya di Persekutuan Tanah Melayu. Kerana keadaan-keadaan perjanjian yang ada maka sebenarnya ada hak baginda boleh memikirkan hal-hal yang demikian.

* * *

Di sebalik itu, menurut perlembagaan yang ada, maka sultan berhak dengan kuasa undang-undang yang ada kepadanya, menolak sebarang nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan – dan oleh keadaan-keadaanyang nampaknya mencapak maka baginda terpaksa menyatakan bahawa dalam masa baginda mula memerintah dahulu Johor ialah sebuah kerajaan yang semiskin-miskinnya tetapi kerana banyak tadbirnya dengan bantuan pegawai-pegawai British Johor menjadi sebuah negeri yang kaya sekali di Persekutuan Tanah Melayu. Daripada pengakuan ini, orang-orang yang mengerti tentang kedudukan negeri Johor menyatakan bahawa dengan keadaan yang demikian itulah baginda lebih berkeyakinan memerintah bersama-sama British daripada orang lain yang nampaknya sekarang menunggu di luar pagar – menunggu British keluar daripada Malaya ini.

Ketiadaan puas hati dengan keadaan-keadaan bercampur ke dalam *Federation* itu sekarang zahir kerana baginda sangat-sangat tidak puas hati bahawa pegawai-pegawainya terpaksa dihantarkan

ke lain-lain tempat sedang Johor sendiri berkehendakkan mereka ada di sana untuk kemajuan negeri Johor.

Inilah, kata fikiran ini, yang menyebabkan mengapa sultan sekarang berkata bahawa beliau lebih suka Johor keluar daripada *Federation* dan berkerajaan sendiri di bawah naungan British seperti dahulu.

* * *

Sama ada diakui atau tidak, orang-orang yang berpandangan jauh memandang kejadian di Johor itu berpunca kepada keadaan gopoh. Orang-orang yang hampir dengan Sultan dan menjadi pengasas serta ahli UMNO dan bersimpati kepada UMNO berpendapat bahawa sekiranya Tengku Abdul Rahman dalam peristiwa di Johor memandang perkara itu sebagai “di antara kita sama kita” sahaja yakni apabila mendapati kata-kata sultan itu tidak diperkenani dan lalu menghadapnya secara *private* maka sudah tentu pegawai-pegawai yang hampir kepada sultan dan mencintai UMNO itu akan berikhtiar sedapat-dapatnya menyokong tujuan Tengku itu tetapi kerana cara yang dibuat oleh Tengku itu tidak sebagai satu cara yang bertujuan mengambil sesuatu perkara dengan jernih maka itulah yang mendukacitakan mereka.

Mereka berkata lebih-lebih dukacita lagi atas *motion* yang dibawa oleh Perikatan yang dipandang oleh mereka sebagai suatu cara belum berlunjur sudah berdiri – yakni belum lagi ada kuasa-kuasa di tangan sudah mahu mengambil kuasa raja-raja yang masih diiktiraf berkuasa – apalagi kelak kalau kuasa itu sudah ada di tangan mereka sudah tentu nasib raja-raja Melayu lebih akan lebih buruk lagi – harus diturunkan daripada takhta kerajaannya pada hal dalam manifesto Perikatan menyatakan mereka mengaku akan mempertahankan kedaulatan raja-rajanya.

Keadaan yang serupa ini, langkah-langkah gopoh itu, kata mereka bukannya membawa perpaduan umat Melayu tetapi

membawa perpecahan sebab walaubagaimanapun Sultan Johor itu masih dikasihi oleh umat Johor dan mempunyai pula pengikut yang taat kepadanya di seluruh Johor. Adalah pendusta sekali, kata pihak ini mengikut kata akhbar Melayu tempatan, yang mengatakan umat Johor marah atas kenyataan Sultan kerana fikiran yang diambil hanyalah daripada seorang berdua itu pun daripada golongan yang membawa *motion* itu. Inikah fikiran yang dikatakan fikiran am orang di Johor? Tanya mereka.

* * *

Kesan yang timbul dalam perkara ini ialah bagaimanakah kelak kedudukan Tengku di dalam perundingan di London nanti yang menyatakan pemergiannya di atas “bulat kata” di antara rakyat dan Raja-raja Melayu – jika seorang Raja yang terbesar pula kawasannya telah menunjukkan rasa tidak puas hati di atas langkah-langkah Perikatan? Bolehkah Perikatan memaksakan Sultan Johor pada masa sekarang takluk kepada kemahuan mereka, tunduk di bawah telunjuk mereka?

Dengan kejadian-kejadian seperti ini patutlah menjadi pengajaran kepada Perikatan bahawa dalam masa yang seperti ini sangat mustahak bagi Perikatan apabila hendak membawa sesuatu *motion* mestilah terlebih dahulu dirundingkan oleh pusat supaya langkah-langkah di dalam bahagian itu tidak merosakkan dasar-dasar yang dijalankan oleh pusat. Kesalahan langkah-langkah di bahagian-bahagian itu selalunya membawa kerosakan dan mengurangkan kepercayaan orang kepada keseluruhan Perikatan apalagi dasar-dasar yang dijalankan oleh Perikatan itu masih samar-samar lagi terutamanya tentang apakah corak rupa bangsa yang dikehendakinya.

* * *

Sebelum pergi ke England, A. Abdul Hamid Jumat Menteri Perumahan dikatakan berkata bahawa rupa bangsa yang dikehendakinya ialah *Malayan* yang berbahasa Melayu. Kenyataan itu disiarkan oleh akhbar Melayu tempatan dan esoknya

pula telah dinafikan – ia hanya ada berkata bahawa satu kebangsaan yang berbahasa Melayu. Sesungguhnya telah dinafikan, orang masih ragu-ragu lagi tentang apakah bangsa yang berbahasa Melayu yang dikehendaki oleh Encik Abdul Hamid Jumat?! Soal ini juga yang banyak timbul sekarang dihadapkan kepada Tengku – Apakah nama bangsa yang dicadangkan oleh Perikatan? Orang-orang Melayu, bukannya sahaja yang di luar UMNO tetapi juga di dalam UMNO sekarang sedang gelisah kerana hingga hari ini – atau sehingga masa hampir-hampir pergi ke London rupa bangsa itu tidak pun disebut-sebut oleh Perikatan. Apakah ini satu perkara rahsia?!

* * *

Di dalam Mahkamah “Syariah” yang dirancangan di Singapura baru-baru ini kaum ibu UMNO dan wanita-wanita Persekutuan Pemuda Islam menuntut supaya wakil mereka ada duduk dalam majlis yang bakal dilantik oleh gabenor. Sebenarnya Islam tidak menegah tentang adanya perempuan di dalam mewakili satu-satu hal tetapi kita hanya suka bertanya adakah wanita-wanita di Singapura berkelayakan di dalam hukum syarie yang boleh berbahasa tentang hukum yang mengenai agama? Selain daripada itu mustahak diperingatkan tentang hukum aurat wanita yang diluaskan syarak. Sekiranya mereka tidak ahli di dalam hukum-hukum Islam kemudian duduk di sana tidakkah nanti mereka hanya berkata sekadar dalam otak mereka sahaja – tidak didasarkan kepada hukum-hukum syarak? Inilah sebabnya mengapa banyak orang memberi ingat bahawa orang-orang yang dilantik oleh Gabenor itu hendaklah orang-orang yang tahu dalam hukum agama. Sebabnya orang berkata begitu tidak lain kerana di dalam majlis Penasihat Islam Kerajaan yang ada hampir-hampir separuh orang-orangnya buta kayu dalam agama.

* * *

Dalam akhbar melayu tempatan telah menyiarkan suatu berita
sambungan pada muka 45

kepadanya tidaklah molek ditegur dengan suatu cara yang kasar, seperti pemboikotan dan mengadakan suatu *motion* seperti itu kerana sekalipun itu tidak berjejas pada masa sekarang tetapi membawa kesan seolah-olah kita melupakan jasa-jasa baginda yang besar dan terbukti itu.

Sebahagian pihak yang berkecuali di dalam perkara ini berpendapat bahawa pembawa *motion* itu harus memikirkan perkataan-perkataan Sultan itu hanya pada zahir perkataan sahaja – tidak kepada tujuan yang lebih dalam. Di dalam kata-kata Sultan itu nampak benar bahawa Sultan berasa sangat-sangat khuatir, melihat kepada keadaan-keadaan yang ada, bahawa apabila kelak kemerdekaan didapat apakah orang-orang Melayu atau penduduknya akan mendapat kesenangan atau sebaliknya. “Siapa yang tidak mahu merdeka” titah baginda. “Hamba abdi pun mahu merdeka”. Tetapi, kata pendapat ini, kemerdekaan itu bagi Sultan ada tapinya, melihat kepada keadaan-keadaan, ditakuti Melayu hanya jadi tangga loncatan sahaja – kedudukan Melayu tidak terkawal dan terjamin pun sekiranya merdeka kelak. Yang berkuasa sudah tentu bangsa lain. Maka tujuan Sultan harus lebih dahulu bersiap sedia – mempunyai jaminan yang tertentu, kesejahteraan dan kedudukannya terjamin.

Yang demikian lebih-lebih zahir lagi apabila Sultan telah menyatakan dengan terang perasaan tidak puas hatinya atas kemunduran negerinya setelah termasuk di dalam ikatan *Federation* sehingga baginda menghendaki biarlah Johor berperintahan sendiri seperti dahulu kerana semacam dahulu itu lebih nampak kemajuannya. Apakah gunanya kalau manfaat tidak didapat?

Di dalam perkara ini, kita hanya dapat memberikan satu peringatan yang mustahak diperhati oleh pihak Perikatan.

Nampaknya tiap-tiap tempat itu menjalankan langkah-langkahnya bersendirinya, sedang akibat-akibat yang harus terbit daripada sesuatu langkah bersendirinya itu membawa kesan pula kepada dasar-dasar bersama. Oleh yang demikian, supaya tidak terjadi perkara-perkara yang tidak digemari sepatutnya Perikatan mengadakan suatu badan yang menghalusi dasar-dasar yang akan dikemukakan di daerah-daerah itu terlebih dahulu sebelum dibawa ke Majlis-majlis Mesyuarat supaya kelak tidak merugikan perjuangan kerana walau bagaimana dijawab dinafikan namun langkah-langkah yang dibawa di Johor itu telah menerbitkan perkara yang bukan sahaja tidak menyenangkan pihak lain, pengikut sultan tetapi juga pengikut Perikatan sendiri, khususnya pencinta-pencinta UMNO yang telah memberi tenaga dan khidmatnya yang besar kepada pembangunan UMNO sendiri.

DARI SEBULAN KE SEBULAN

– sambungan dari muka 7

bahawa Presiden Sukarno di dalam ucapannya di beberapa tempat di Indonesia menyebut bahawa beliau menganjurkan suatu kerjasama di antara kaum agama, kaum nasionalis dan kaum komunis untuk membentuk “persatuan yang revolusioner untuk menyelesaikan revolusi kebangsaan”. Kerana anjuran yang serupa itu maka D. N. Adet Setiausaha Agung Parti Komunis Indonesia menyebut kerjasama Presiden Sukarno lalu mencalonkan Presiden supaya dipilih di dalam perhimpunan perlembagaan yang sedang berjalan sekarang ini.

Berita itu hanya setakat itu sahaja yang disiarkan oleh Harian itu tetapi bagaimana pandangan-pandangan orang Islam tentang anjuran Presiden supaya bekerjasama

dengan komunis? Siap! Kata sebahagian pihak!

Abdullah Qatmīr Kounsel Pengurus Besar Nahdhatul Ulamā' Sumatera Selatan tatkala mengulas pendapat Presiden itu berkata bahawa cadangan itu tidak mempunyai tempat di dalam Nahdhatul Ulamā'. Nahdhatul Ulamā', katanya, sebagai pemegang negara demokrasi dan dapat memberikan tepat yang sewajarnya sahaja kepada perseorangan atas-atas itu.

Mohammad Natsir, Ketua Agung Masyumi pula berpendapat bahawa bekerjasama dengan komunis di dalam persatuan negara kebangsaan bermakna memasukkan serigala yang berbulu kambing ke dalam kandang. Di Indonesia, katanya, dikecualikan Parti Komunis, hampir semua parti berdasarkan demokrasi sedang komunis hanya mengemburkan sahaja faham itu. Lihat sahaja buktinya di lain-lain tempat kalau komunis berkuasa. Tidak ada satu pun pertubuhan yang ada – yang berkuasa hanya komunis sahaja. Lupakan Presiden akan maki hamun komunis sebelum dan sesudah pemberontakan komunis?

Kiyai Haji Abdul Wahab, orang kuat Nahdhatul Ulamā' tatkala bercakap di Amuntai (Kalimantan) menyatakan bahawa Nahdhatul Ulamā' dalam pembentukan kabinet yang akan datang berharap supaya komunis hanya sebagai penonton di luar pagar sahaja – tidak dimasukkan bersama.

Daripada kenyataan-kenyataan ini zahir bahawa parti-parti Islam, dan juga sebahagian besar orang-orang kebangsaan tidak gemar bersama-sama komunis seperti yang dikehendaki oleh Sukarno. Jika demikian, kata sebahagian pihak, kalau memberi berita jangan berat sebelah bung! Kalau berat sebelah tidakkah ada apa-apanya?! Tanya sebahagian teman lagi.

Rencana Pengarang . . .

(sambungan dari muka 4)

Boleh dipandang mencari faedah sahaja namanya

* * *

Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura

Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura telah diadakan semula lebih kurang dua tahun sesudah tentera British menduduki Singapura ini. Adanya majlis ini ialah bertujuan menasihati kerajaan dalam perkara-perkara yang mengenai orang-orang Islam – dan sebaliknya jika ada perkara-perkara yang bersabit dengan orang-orang Islam kerajaan akan meminta nasihat daripadanya.

Majlis yang serupa ini mustahak adanya – dan orang-orang (ahli-ahlinya) adalah dilantik oleh kerajaan sehingga dengan kerana itu boleh dikata J.P.-J.P. Islam hampir-hampir semuanya ada duduk di situ. Kita tidak mengatakan tidak molek mereka berada di sana tetapi kerana asasnya adalah untuk menasihati kerajaan di dalam perkara-perkara yang bersabit dengan agama – yang terbanyaknya berkenaan dengan hukum-hukum agama, maka tidaklah selayaknya menjadikan ahli di dalamnya itu pakai “tangkap muat” sahaja sehingga kita mengetahui ada di antara ahli-ahlinya tidak pun boleh diharap akan dapat memberi pendapat di dalam perkara agama kerana harus sedangkan untuk dirinya sendiri pun ia tidak cukup mengetahuinya. Oleh yang demikian kita berharap supaya ahli-ahli majlis itu ditapis semula – jangan hanya memilih di antara “kawan” sahaja tetapi lantiklah orang yang sebenarnya mengerti di dalam perkara agama supaya buah fikirannya berasas dan dapat digunakan – tidak hanya memenuhi majlis itu sahaja.